



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



MINIT BEBAS BAHAGIAN KEWANGAN

Kepada : YBhg. Dr. KSU

Melalui : YBrs. TKSU (O)

Daripada : SUB (K)

Tarikh : 23 Ogos 2021

Rujukan : KPWKM.400-1/1/1 JLD.37 (7)

Perkara : **PERMOHONAN KELULUSAN KHAS BAGI PINDAAN GARIS PANDUAN PEMBAYARAN ELAUN KHAS BAGI PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT MENANGANI COVID-19 DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE) 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dr., Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin telah bersetuju untuk memanjangkan kemudahan elaun RM200 kepada petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang terlibat secara langsung sebagai barisan hadapan dalam membantu penularan wabak COVID-19.

3. Lanjutan itu, JKM telah menyediakan satu garis panduan dalaman JKM sebagai langkah kawalan seperti diminta oleh Kementerian Kewangan dan garis panduan tersebut telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal melalui minit bebas rujukan KPWKM.400-1/1/1 JLD.23 (9) bertarikh 16 April 2020 seperti di **Lampiran A.**

4. Walau bagaimanapun, mengambil kira kekangan peruntukan sedia ada JKM, Pengurusan Tertinggi JKM telah bersetuju mempertimbangkan pindaan Garis Panduan Pembayaran Elaun Khas Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Menangani COVID-19 Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 yang

berkuatkuasa pada 25 Jun 2021 bagi pembayaran Elaun Khas COVID-19 mulai Januari 2021 seperti berikut:

**Cadangan Pindaan Garis Panduan Pembayaran Elaun Khas Bagi
Penjawat Awam Yang Terlibat Menangani COVID-19 Di Bawah Pakej
Rangsangan Ekonomi 2020**

4.2	Pegawai Yang Layak		
4.2.2	Pegawai yang diarahkan untuk melaksanakan salah satu tugas berikut:		
Bil.	Perihal	Cadangan Pindaan	
(a)	mengurus hal ehwal kebajikan "Person Under Surveillance (PUS)" di Home Surveillance Centre atau di pusat kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan;	Dikekalkan	
(b)	mengurus proses pengagihan bantuan bencana kepada rakyat yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 dan edaran bakul makanan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO);	Dikekalkan	
(c)	bertanggungjawab mengumpul dan menyelaras sumbangan makanan daripada syarikat swasta/ NGO/ individu sepertimana yang telah diumumkan oleh Menteri Pertahanan pada 28 Mac 2020;	Digugurkan Alasan: dilaksanakan bersekali dengan perenggan (b).	
(d)	mengendalikan aduan yang diterima daripada orang awam yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 dan memerlukan tindakan segera pegawai JKM menerusi Talian Kasih atau dari mana-mana medium perhubungan yang lain.	Digugurkan Alasan: dilaksanakan dalam tempoh waktu bekerja harian dan bilik gerakan menguruskan semua perkhidmatan berkaitan JKM.	
4.5	Kaedah Pembayaran		
4.5.4	Kod Akaun		
Bil.	Perihal/ Jenis Pembayaran	Kod CAA Lama	Kod CAA Baharu
1.	Pegawai Kakitangan Tetap	B0112199	B0112116
2.	Pegawai Bukan Kakitangan Tetap	B0229399	B0229310

5. Bahagian Kewangan tiada halangan dengan pindaan garis panduan ini memandangkan JKM akan menggunakan peruntukan sedia ada bagi pembayaran elaun khas ini tanpa memohon peruntukan tambahan.

6. Sehubungan itu, diangkat permohonan kelulusan pindaan Garis Panduan Pembayaran Elaun Khas Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Menangani COVID-19 Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 di Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk **pertimbangan dan kelulusan** YBhg. Dr.

Sekian, terima kasih.



b/p (HANANI BINTI SIDEK)

DR AISHAH BINTI SULAIMAN
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Kewangan
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Devi Naidu A/P Munusamy

From: Mohd Yusri Bin Mohd Yusoff <yusri@kpwkm.gov.my>
Sent: Friday, August 20, 2021 10:30 AM
To: Devi Naidu A/P Munusamy
Cc: Hanani Binti Sidek; Nor Aishah Binti Sulaiman
Subject: Re: Fw[4]: PERMOHONAN KELULUSAN KHAS BAGI PINDAAN GARIS PANDUAN PEMBAYARAN ELAUN KHAS BAGI PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT MENANGANI COVID-19 DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020

Disokong, Terima kasih

From: Devi Naidu A/P Munusamy (devi@kpwkm.gov.my)
Date: 20/08/2021 09:01 am
To: Mohd Yusri Bin Mohd Yusoff (yusri@kpwkm.gov.my)
Cc: Hanani Binti Sidek (hanani@kpwkm.gov.my), Nor Aishah Binti Sulaiman (noraishah@kpwkm.gov.my)
Subject: **Fw[4]: PERMOHONAN KELULUSAN KHAS BAGI PINDAAN GARIS PANDUAN PEMBAYARAN ELAUN KHAS BAGI PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT MENANGANI COVID-19 DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020**

Salam sejahtera,

YBrs. Tuan,

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan minit bebas untuk pertimbangan dan sokongan YBrs. Tuan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

DEVI NAIDU MUNUSAMY

Penolong Setiausaha

ULASAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI), KPWKM

Permohonan kelulusan pindaan Garis Panduan Pembayaran Elaun Khas Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Menangani COVID-19 Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 di Jabatan Kebajikan Masyarakat merujuk kepada minit bebas Bahagian Kewangan rujukan KPWKM.400-1/1/1 JLD.37 (7) dengan ini:

DISOKONG / TIDAK DISOKONG

Ulasan:

Hendaklah mematuhi prosedur dan pekeliling kewangan yang sedang berkuatkuasa.

.....
(MOHD YUSRI BIN MOHD YUSOFF)

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tarikh: Ogos 2021

PERAKUAN PEGAWAI PENGAWAL, KPWKM

Permohonan kelulusan pindaan Garis Panduan Pembayaran Elaun Khas Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Menangani COVID-19 Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 di Jabatan Kebajikan Masyarakat merujuk kepada minit bebas Bahagian Kewangan rujukan KPWKM.400-1/1/1 JLD.37 (7) dengan ini:

DILULUSKAN / ~~TIDAK DILULUSKAN~~

Catatan:

Hendaklah mematuhi prosedur dan pekeliling kewangan yang sedang berkuatkuasa.

.....
(DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tarikh: 24 Ogos 2021